

**PENGARUH FAKTOR MINAT, KELUARGA, *ROLE MODEL* DAN JANGKAAN  
GAJI TERHADAP PELAJAR WANITA DALAM MENENTUKAN BIDANG  
KEJURUTERAAN SEBAGAI SUATU KERJAYA MASA HADAPAN**

**SITI PARIDAH BINTI JUHARI**

Tesis ini dikemukakan  
sebagai memenuhi syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Pendidikan

Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

**FEBUARI, 2003**



PTT AUTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## DEDIKASI

*TERISTIMEWA BUAT ... ..*

*Suami tersayang yang telah banyak berkorban, anak yang dirindui `Nur Aqilah Humaira', ... .. semoga ianya menjadi dorongan buat kalian untuk lebih berjaya di dunia dan akhirat.*

*Tak lupa buat Emak dan Abah serta keluarga yang lain. Terima kasih diatas segala nasihat dan dorongan yang diberikan. Semoga sentiasa didalam nur dan hidayahNya.*

*Jua buat En. Abdul Talib Bin Bon serta para sahabat yang telah banyak memberikan dorongan, bantuan, rangsangan dan mendoakan kejayaan ini. Semoga dirahmati Allah.*

*"Bertaqwalah kepada Allah, Allah akan mengajarmu dan Allah Maha Mengetahui segala Sesuatu."  
(Al-Baqarah: 282)*

*"Orang yang cerdas ialah orang yang menghitung dirinya dan beramal untuk persediaan selepas mati, orang yang lemah (kurang berakal) ialah orang yang mengikut hawa nafsunya dan selalu berangan-angan kepada Allah"  
(HR. Alimad, Tirmidhi, Ibn Majah dan Al-Hakim)*

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Puji-pujian hanya bagi Allah, yang Maha Mengetahui segala ilmu di laut dan di daratan. Dengan kudrat dan rahmat dariMu telah mengizinkan kami untuk menitipkan ilmu Mu dalam melaksanakan serta menyiapkan projek dan penulisan tesis ini. Selawat dan salam jua keatas junjungan besar Nabi Muhammad SAW dan keluarganya.

Kesempatan ini ingin saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih terutama kepada En. Abdul Talib Bin Bon, selaku penyelia projek ini yang telah banyak memberikan tunjuk ajar dan bimbingan, dalam usaha untuk menjayakan projek yang dijalankan dan menyiapkan tesis ini. Semoga dirahmati Allah.

Penghargaan kepada pelajar-pelajar Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM), juga kepada mana-mana pihak yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung didalam menjayakan projek dan menyiapkan tesis ini. Mudah-mudahan setiap apa yang disumbangkan akan diberkati Allah. Terima kasih.



PERPUSTAKAAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA  
PERPUSTAKAAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti pengaruh di antara empat faktor iaitu minat, dorongan keluarga, *role model* dan jangkaan gaji terhadap pelajar wanita dalam menentukan bidang kejuruteraan sebagai suatu kerjaya masa hadapan. Seramai dua ratus tujuh puluh lapan pelajar wanita yang terdiri daripada pelajar program Kejuruteraan Awam, Elektrik dan Mekanikal telah dijadikan sample kajian. Responden yang terlibat merupakan pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dari Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM). Data dikumpul dengan menggunakan set soal selidik dan dianalisis menggunakan program *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS 10.0 for Windows). Ujian Pekali Korelasi Spearman rho telah digunakan untuk mengenalpasti hubungan di antara pembolehubah-pembolehubah. Hasil kajian menunjukkan keempat-empat faktor yang telah dinyatakan mempunyai hubungan yang signifikan dengan pelajar wanita dalam menentukan bidang kejuruteraan sebagai suatu kerjaya masa hadapan. Oleh yang demikian keempat-empat faktor tersebut perlulah memainkan peranan masing-masing bagi mempertingkatkan penyertaan kaum wanita dalam bidang kejuruteraan.

## ABSTRACT

The purpose of this research is to determine four factors that attract female to involve in engineering field as their future carrier. The four factors are interest, family support, role model and expected salary. In this research, two hundred and seventy eight female students had contributed as respondents. They are first-degree program students in Civil Engineering, Mechanical Engineering and Electrical Engineering from Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) and Universiti Teknologi Mara (UiTM). Data has been collected by using a set of questioner and analyzed it with software Statistical Package for the Social Sciences (SPSS 10.0 for Windows). The Spearman rho Correlation Coefficient test has been used to determine relationship between the variables. The results show the four factors have a significant relationship between the female student and the four factors as mention in order female student to get involve in engineering field as their future carrier. Thus for the four factors play a very important role to increase females in engineering field.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	PENGAKUAN PENYELIDIK	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xii
<b>BAB I</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	2
	1.3 Soalan Kajian	6
	1.4 Objektif Kajian	6
	1.5 Kerangka Teori	7
	1.6 Hipotesis	8
	1.7 Kepentingan Kajian	10
	1.8 Skop Kajian	10
	1.9 Definisi Istilah	11
<b>BAB II</b>	<b>SOROTAN PENULISAN</b>	
	2.1 Pengenalan	12
	2.2 Faktor Penolak	13
	2.2.1 Pengaruh Keluarga	13

2.2.2	Bias	14
2.2.3	Persekitaran	14
2.2.4	<i>Role Model</i>	16
2.3	Dasar Kerajaan	17
2.4	Faktor Penarik	19
2.4.1	Faktor Minat	21
2.4.2	Faktor Keluarga	23
2.4.3	Faktor <i>Role Model</i>	25
2.4.4	Faktor Jangkaan Gaji	26

### **BAB III      METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Rekabentuk Kajian	28
3.2	Responden, sumber Data dan Kaedah Pemilihan Sampel	29
3.2.1	Responden dan sumber Data	29
3.2.2	Kaedah Pemilihan Sampel	29
3.3	Tempat Kajian	30
3.4	Prosedur Kajian	31
3.5	Instrumen Kajian	31
3.6	Kajian Rintis	34
3.7	Kesahan Kandungan	35
3.8	Analisis Data	36
3.9	Andaian Kajian.	38
3.10	Batasan Kajian	39

### **BAB IV      ANALISIS DATA**

4.1	Pengenalan	40
4.2	ANALISIS BAHAGIAN PERTAMA: Demografi Responden	41
4.3	ANALISIS BAHAGIAN KEDUA: Sikap Terhadap Kejuruteraan	47

4.3.1	Hubungan Faktor Minat dengan Pelajar Wanita Kejuruteraan (Awam, Elektrik dan Mekanikal)	48
4.3.2	Hubungan Faktor Keluarga dengan Pelajar Wanita Kejuruteraan (Awam, Elektrik dan Mekanikal)	50
4.3.3	Hubungan Faktor <i>Role Model</i> dengan Pelajar Wanita Kejuruteraan (Awam, Elektrik dan Mekanikal)	51
4.3.4	Hubungan Faktor Jangkaan Gaji dengan Pelajar Wanita Kejuruteraan (Awam, Elektrik dan Mekanikal)	52

## BAB V PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	54
5.2	Perbincangan	55
5.2.1	Faktor Minat Mempengaruhi Kecenderungan Pelajar Wanita Memilih Kejuruteraan (Awam, Elektrik dan Mekanikal) Sebagai Suatu Kerjaya Masa Hadapan	55
5.2.2	Faktor Keluarga Mempengaruhi Kecenderungan Pelajar Wanita Memilih Kejuruteraan (Awam, Elektrik dan Mekanikal) Sebagai Suatu Kerjaya Masa Hadapan	56
5.2.3	Faktor <i>Role Model</i> Mempengaruhi Kecenderungan Pelajar Wanita Memilih Kejuruteraan (Awam, Elektrik dan Mekanikal) Sebagai Suatu Kerjaya Masa Hadapan	56
5.2.4	Faktor Jangkaan Gaji Mempengaruhi Kecenderungan Pelajar Wanita Memilih Kejuruteraan (Awam, Elektrik dan Mekanikal) Sebagai Suatu Kerjaya Masa Hadapan	57
5.3	Rumusan Hasil Perbincangan	58
5.4	Cadangan	59



	x
5.4.1 Cadangan Kepada Unit Bimbingan dan Kerjaya	59
5.4.2 Cadangan Kepada Pelajar Terlibat	60
5.4.3 Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	60
5.5 Kesimpulan	61
<b>BIBLIOGRAFI</b>	62
<b>LAMPIRAN A</b>	65
<b>LAMPIRAN B</b>	70
<b>LAMPIRAN C</b>	73



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## SENARAI JADUAL

N0. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 1.1	: Jumlah Pelajar Wanita Kursus Kejuruteraan, KUITTHO	5
Jadual 2.1	: Pensyarah di Politeknik dan Area Pengkhususan	19
Jadual 2.2	: Jadual Peratus Pemilihan Faktor	20
Jadual 3.1	: Pengagihan Sampel Mengikut IPT	30
Jadual 3.2	: Jumlah Item Soalan Bahagian A	32
Jadual 3.3	: Jumlah Item Soalan Bahagian B	33
Jadual 3.4	: Format Skala Likert	34
Jadual 3.5	: Perubahan Aras Persetujuan	34
Jadual 3.6	: Interpretasi Nilai Pekali Korelasi	37
Jadual 3.7	: Jadual Penentuan Tabap	38
Jadual 4.1(a)	: Peratusan Responden Mengikut Bangsa	42
Jadual 4.1(b)	: Peratusan Responden Mengikut Umur	43
Jadual 4.1(c)	: Peratusan Ibu/Bapa Seorang Jurutera	44
Jadual 4.1(d)	: Peratusan Tahap Pengajian Tertinggi Sebelum ke IPT	45
Jadual 4.1(e)	: Peratusan Umur Pelajar Mengetahui adanya Bidang Kejuruteraan	46
Jadual 4.2	: Taburan dan Purata Min bagi Faktor Minat, Keluarga, <i>Role Model</i> dan Jangkaan Gaji dengan Pelajar Wanita Kejuruteraan (Awam, Elektrik dan Mekanikal)	47
Jadual 4.3	: Hubungan Faktor Minat dengan Pelajar Wanita Kejuruteraan (Awam, Elektrik dan Mekanikal)	49
Jadual 4.4	: Hubungan Faktor Keluarga dengan Pelajar Wanita Kejuruteraan (Awam, Elektrik dan Mekanikal)	50
Jadual 4.5	: Hubungan Faktor <i>Role Model</i> dengan Pelajar Wanita Kejuruteraan (Awam, Elektrik dan Mekanikal)	52
Jadual 4.6	: Hubungan Faktor Jangkaan Gajidengan Pelajar Wanita Kejuruteraan (Awam, Elektrik dan Mekanikal)	53
Jadual 5.1	: Rumusan Hasil Kajian Berdasarkan Soalan Kajian	58

## SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
Rajah 1.1	: Kerangka Teori	7
Rajah 3.1	: Prosedur Kajian	31



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Kaum wanita merupakan sebahagian daripada sumber penting yang boleh digemblengkan bagi mencapai agenda pembangunan negara. Dalam tempoh Rancangan Malaysia ke-7, melalui usaha kerajaan yang berterusan dalam menyediakan persekitaran yang sesuai untuk pembangunan, wanita terus melibatkan diri kearah pembangunan sosial dan ekonomi negara. Manakala dalam Rancangan Malaysia ke-8, usaha akan terus diambil untuk meningkatkan peranan, kedudukan dan taraf wanita bagi memastikan penyertaan mereka sebagai rakan kongsi dalam pembangunan negara.

Ekoran daripada penekanan yang serius diberikan oleh pihak kerajaan serta permintaan yang tinggi oleh pihak industri, maka tidak hairanlah jika dikatakan terdapatnya peningkatan bilangan wanita yang tinggi dalam bidang-bidang kerjaya terutama sains dan kejuruteraan. Seperti yang diketahui, sainslah yang menghasilkan ilmu pengetahuan yang baru, manakala ilmu kejuruteraan merupakan tali temali yang berfungsi untuk memuaskan keperluan manusia (Kincaid, 1968).

Peningkatan wanita dalam lapangan kejuruteraan ini didorongi oleh faktor terbuka luasnya peluang dalam melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan faktor kesihatan yang semakin baik. Dalam tahun 1994 sahaja, jumlah wanita adalah 49.4% daripada jumlah keseluruhan populasi 19.7 juta penduduk. Jangkaan hidup kaum wanita meningkat iaitu dari 70.5 tahun pada 1980 kepada 74 tahun pada 1995 berbanding kaum lelaki iaitu daripada 66.4 kepada 69.4 tahun. (Aminah, 1993).

Walaupun pada dasarnya jumlah peningkatan wanita dalam lapangan kejuruteraan ini adalah terlalu kecil namun kita harus berbangga dengan pencapaian tersebut jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Pemilihan terhadap pelbagai kerjaya yang sesuai dengan minat, kebolehan dan nilai pelajar-pelajar perlu didedahkan dan diberi penjelasan serta bimbingan agar mereka dapat membuat pemilihan yang betul dan selari dengan kebolehan diri mereka.

Menurut Walterberg (1973), permasalahan yang wujud di kalangan kaum remaja adalah tertumpu kepada permasalahan kewangan, seks, dadah, salah laku peribadi, sosial dan kerjaya. Persoalan kerjaya yang akan dijawat kelak merupakan sesuatu yang signifikan dalam kehidupan mereka. Menurutnya lagi, kaum remaja melihat kerjayanya di masa akan datang sebagai anak-anak tangga untuk mencapai kehidupan yang lebih baik dan sempurna untuk dirinya dan keluarga. Malah adalah tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa masalah pemilihan kerjaya masa kini adalah menjadi masalah yang peribadi dan sangat penting.

Suatu ketika dahulu, kaum wanita kurang memberi sambutan yang hangat dalam bidang kejuruteraan. Ini mungkin disebabkan oleh tanggapan masyarakat ketika itu yang tidak memberi ruang kepada kaum wanita untuk berjaya dalam lapangan pekerjaan. Namun, perubahan telah berlaku disebabkan oleh sistem pendidikan yang mendorong wanita untuk berjaya dan menyamaratakan mereka dengan kaum lelaki untuk sama-sama belajar dan berjaya dalam pelbagai kerjaya.

Wanita mempunyai populasi hampir 50% daripada penduduk dunia. Manakala di Malaysia, berdasarkan Bancian Penduduk Tahun 2000, kira-kira 48.9% atau 11.4 juta daripada jumlah penduduk adalah wanita. Dengan demikian penyertaan tenaga buruh wanita telah mencatat peningkatan daripada 43.5% pada tahun 1995 kepada 45.8% pada tahun 1997 dan kadar tersebut terus bertambah dengan adanya pemulihan ekonomi kepada 44.5% pada tahun 2000 (Rancangan Malaysia Ketujuh, 1996).

Dalam tempoh yang sama juga, struktur pekerjaan telah berubah dengan lebih ramai di kalangan wanita menceburi bidang pekerjaan yang berpendapatan lebih tinggi. Penglibatan wanita dalam kategori pekerjaan profesional dan teknikal juga telah meningkat daripada 12.7 peratus pada tahun 1995 kepada 13.5 peratus pada tahun 2000 (Rancangan Malaysia Ketujuh, 1996).

Di Amerika Syarikat, jumlah wanitanya yang menceburi bidang sains dan kejuruteraan telah meningkat dengan drastik dari 1960 hingga 1980 (Brush, 1991). Mengapakah keadaan ini berlaku? Apakah yang menyebabkan wanita mula sedar dan mula menceburkan diri dalam lapangan kejuruteraan ini? Adanya beberapa faktor penarik yang mendorong perubahan ini berlaku seperti peluang pendidikan yang lebih cerah, galakan daripada individu tertentu dan sokongan daripada badan-badan kerajaan, swasta dan sektor pendidikan itu sendiri.

Di Malaysia, peningkatan pelajar wanita dalam bidang pendidikan juga mengalami perubahan. Peranan penting yang dimainkan oleh sektor pendidikan telah menyumbang ke arah kemajuan sosial dan ekonomi wanita. Ia merupakan satu pelaburan yang besar dalam kemudahan pendidikan disertai dengan penyediaan peluang yang sama banyak untuk mendapat pendidikan. Enrolmen wanita di peringkat pendidikan rendah dan menengah serta di institusi awam tempatan telah menunjukkan nisbah *gender* dalam Negara. Di peringkat sekolah rendah dan menengah, enrolmen pelajar wanita adalah kira-kira separuh daripada jumlah keseluruhan enrolmen, sementara di peringkat menengah atas, pelajar wanita adalah kira-kira 66 peratus daripada jumlah enrolmen pada tahun 2000. Pengambilan pelajar wanita di universiti awam telah meningkat dengan ketara daripada 50 peratus pada tahun 1995 kepada 55 peratus pada tahun 2000 (Rancangan Malaysia Ketujuh, 1996).

Wanita juga telah berjaya memasuki kursus sains dan teknikal. Ini dapat dibuktikan dengan enrolmen wanita dalam bidang sains di institusi pendidikan tinggi iaitu sebanyak 60 peratus, sementara dalam bidang teknikal pula sebanyak 30 peratus pada tahun 2000 (Rancangan Malaysia Ketujuh, 1996).

Menurut Aminah (1993), dalam tahun 1993 hanya 922 orang pelajar wanita dalam Sekolah Menengah Teknik (SMT) iaitu 42 peratus daripada enrolmen wanita adalah dalam bidang kejuruteraan manakala pada tahun 1996 pula angkanya meningkat kepada 2,095 iaitu 63 peratus daripada jumlah enrolmen wanita.

Jadual 1.1, menunjukkan senario peningkatan di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) dalam tempoh tiga tahun yang lepas.

**Jadual 1.1 :Jumlah Pelajar Wanita Kursus Kejuruteraan, KUiTTHO**

Jenis Kursus Kejuruteraan	1998	1999	2000
Awam	136	146	190
Elektrik	192	186	225
Mekanikal	79	119	83

(Sumber : Pejabat Pengurusan Akademik KUiTTHO, 2001)

Penyertaan wanita dalam bidang kejuruteraan semakin menyerlah dari masa ke semasa. Ini dapat ditunjukkan dengan peningkatan jumlah wanita yang ramai memenuhi institusi pengajian tinggi awam dan swasta dalam bidang kejuruteraan. Fenomena yang sama juga berlaku di lapangan pekerjaan. Apakah yang menyebabkan berlakunya peningkatan ini? Oleh yang demikian, penyelidik akan mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar wanita dalam memilih bidang kejuruteraan sebagai suatu kerjaya masa hadapan dan adakah hubungan yang kuat antara faktor-faktor tersebut dalam mempengaruhi keterlibatan mereka?



PTTA  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



### 1.3 Soalan Kajian


- (i) Apakah perkaitan di antara faktor minat, keluarga, *role model* dan jangkaan gaji terhadap pelajar wanita dalam memilih bidang Kejuruteraan (Awam, Elektrik dan Mekanikal) terhadap kerjaya masa hadapan?
- (ii) Sejauhmanakah faktor minat, keluarga, *role model* dan jangkaan gaji mempengaruhi pelajar wanita dalam memilih bidang Kejuruteraan (Awam, Elektrik dan Mekanikal) sebagai satu kerjaya masa hadapan?

### 1.4 Objektif Kajian

- (i) Untuk mengkaji faktor minat, keluarga, *role model* dan jangkaan gaji yang mempengaruhi pelajar wanita dalam memilih bidang Kejuruteraan (Awam, Elektrik dan Mekanikal) sebagai suatu kerjaya masa hadapan.
- (ii) Untuk melihat faktor manakah yang paling kuat pengaruhnya dalam pemilihan bidang Kejuruteraan Awam, Elektrik dan Mekanikal sebagai satu kerjaya masa hadapan bagi pelajar wanita.

## 1.5 Kerangka Teori

Penyelidik membuat kerangka teori dalam melaksanakan penyelidikan ini berdasarkan kepada pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar. Kerangka teori adalah seperti rajah di bawah.



Rajah 1.1 : Kerangka Teori

Berdasarkan pada rajah 1.1, penyelidik mendapati bahawa terdapat empat faktor yang menyumbang kepada tingginya penglibatan pelajar wanita dalam memilih bidang Kejuruteraan (Awam, Elektrik dan Mekanikal) terhadap kerjaya masa hadapan. Faktor-faktor tersebut adalah minat, keluarga, *role model* dan jangkaan gaji. Kesemua elemen-elemen tersebut merupakan pembolehubah tidak bersandar manakala pembolehubah bersandarnya ialah Pemilihan terhadap bidang Kejuruteraan (Awam, Elektrik dan Mekanikal) sebagai kerjaya masa depan

## 1.6 Hipotesis

### (i) Hipotesis Null ( $H_0$ 1)

Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor minat dengan kecenderungan untuk memilih bidang Kejuruteraan (Awam, Elektrik dan Mekanikal) dikalangan pelajar wanita sebagai suatu kerjaya masa hadapan.

### Hipotesis Alternatif ( $H_A$ 1)

Terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor minat dengan kecenderungan untuk memilih bidang Kejuruteraan (Awam, Elektrik dan Mekanikal) dikalangan pelajar wanita sebagai suatu kerjaya masa hadapan.

### (ii) Hipotesis Null ( $H_0$ 2)

Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor keluarga dengan kecenderungan untuk memilih bidang Kejuruteraan (Awam, Elektrik dan Mekanikal) dikalangan pelajar wanita sebagai suatu kerjaya masa hadapan.

### Hipotesis Alternatif ( $H_A$ 2)

Terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor keluarga dengan kecenderungan untuk memilih bidang Kejuruteraan (Awam, Elektrik dan Mekanikal) dikalangan pelajar wanita sebagai suatu kerjaya masa hadapan.

(iii) Hipotesis Null ( $H_0$  3)

Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor *role model* dengan kecenderungan untuk memilih bidang Kejuruteraan (Awam, Elektrik dan Mekanikal) dikalangan pelajar wanita sebagai suatu kerjaya masa hadapan.

Hipotesis Alternatif ( $H_A$  3)

Terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor *role model* dengan kecenderungan untuk memilih bidang Kejuruteraan (Awam, Elektrik dan Mekanikal) dikalangan pelajar wanita sebagai suatu kerjaya masa hadapan.

(iv) Hipotesis Null ( $H_0$  4)

Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor jangkaan gaji dengan kecenderungan untuk memilih bidang Kejuruteraan (Awam, Elektrik dan Mekanikal) dikalangan pelajar wanita sebagai suatu kerjaya masa hadapan.

Hipotesis Alternatif ( $H_A$  4)

Terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor jangkaan gaji dengan kecenderungan untuk memilih bidang Kejuruteraan (Awam, Elektrik dan Mekanikal) dikalangan pelajar wanita sebagai suatu kerjaya masa hadapan.

### 1.7 Kepentingan Kajian

- (i) Penyelidik ingin memberikan idea yang lebih terperinci mengenai faktor yang mempengaruhi pelajar wanita dalam memilih bidang Kejuruteraan (Awam, Elektrik dan Mekanikal) sebagai suatu kerjaya masa hadapan kepada pihak yang mengambil berat mengenainya. Ini termasuklah guru, Unit Bimbingan dan Kerjaya di Sekolah-sekolah Menengah Teknik dan Vokasional khususnya dan di sekolah lain amnya.
- (ii) Penyelidik melakukan kajian ini kerana dengan adanya penentuan faktor manakah yang memberi pengaruh kuat akan mendapat perhatian yang khusus daripada elemen faktor-faktor tersebut. Dengan demikian, dapatlah para pelajar wanita menilai sejauhmanakah elemen-elemen tersebut akan lebih berjaya mempengaruhi keterlibatan mereka dalam profesion kejuruteraan.
- (iii) Kajian ini boleh memberikan maklumat-maklumat yang berfaedah kepada pelajar-pelajar wanita di Sekolah-sekolah Menengah Teknik dan Vokasional khususnya, sekiranya ingin memilih bidang Kejuruteraan (Awam, Elektrik dan Mekanikal) sebagai satu kerjaya masa hadapan.

### 1.8 Skop Kajian

Kajian ini akan dijalankan kepada pelajar wanita Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUitTHO), Batu Pahat, Johor, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, Johor dan Universiti Teknologi Mara (UiTM), Arau, Perlis.

## 1.9 Definisi Istilah

### (i) Kejuruteraan

Kejuruteraan ialah bidang yang menggunakan prinsip matematik dan sains, penggunaan pengalaman dan akal waras serta pertimbangan untuk membangunkan penyelesaian masalah secara praktikal.

### (ii) Kerjaya

Kerjaya merupakan suatu jalan untuk membina kehidupann yang lebih sempurna dan berjaya. Ia juga dikenali sebagai profesion yang mana setiap manusia harus mengalaminya tidak kira samada individu tersebut mempunyai kemahiran pra-mahir, separa mahir mahupun mahir dalam sesuatu bidang.



## BAB II

### SOROTAN PENULISAN

#### 2.1 Pengenalan

Bidang kejuruteraan merupakan suatu bidang yang bersifat professional yang mana ianya memerlukan individu yang mempunyai tahap kemahiran yang tinggi. Kebanyakan kaum lelaki adalah lebih dominan dalam bidang ini dan penyertaan mereka menyerlah sejak dahulu lagi. Walau bagaimanapun, kekurangan penyertaan wanita dalam bidang ini samada di peringkat pendidikan mahupun lapangan kerjaya mendapat perhatian yang serius sejak beberapa dekad yang lalu. Wanita tidak mendapat tempat yang baik dan dipandang serong sekiranya menceburi lapangan tersebut. Banyak faktor penolak yang menyebabkan wanita tidak menonjol di bidang kejuruteraan. Namun, hasil daripada faktor-faktor penolak tersebut diikuti dengan adanya campur tangan badan-badan kerajaan, bukan kerajaan dan swasta yang mengambil berat terhadap permasalahan ini maka, wanita kini semakin berani untuk menceburi lapangan kejuruteraan.

## 2.2 Faktor Penolak

### 2.2.1 Pengaruh Keluarga

Menurut Lorenzana (2001), Henes et. al (1995) dan Kaminski dan Paiz (1984), pengaruh keluarga merupakan faktor dalaman yang menyebabkan wanita kurang menceburi bidang kejuruteraan. Mereka berpendapat sejak dilahirkan lagi wanita telah dibezakan dengan anak lelaki berdasarkan perbezaan fizikal, sifat dan personaliti mereka. Mereka berpendapat bahawa peribadi seorang wanita adalah kecil, cantik dan pendiam berbanding dengan lelaki. Sedar atau tidak, layanan ini berterusan sehinggalah mereka membesar menjadi seorang wanita yang sempurna. Para ibubapa masih lagi menggalakkan anak perempuan mereka untuk menjadi seorang yang pendiam, mesra, patuh, tidak bersaing dengan lelaki dan menghargai perlindungan daripada mereka (kaum lelaki). Akibatnya, mereka dihalang daripada menceburi lapangan ini kerana bidang kejuruteraan tidak sesuai dengan ciri-ciri keperibadian mereka yang sememangnya lembut. Selain itu, sekiranya mereka menceburkan diri di bidang kejuruteraan, maka mereka akan dianggap sebagai bukan wanita.

Ini disokong pula oleh dapatan kajian yang dilakukan oleh *Davis, University of California* yang mendapati bahawa seramai 12 peratus wanita dan hanya 1 peratus sahaja lelaki, menyatakan faktor keluarga yang mengasingkan lelaki dan wanita ini mewujudkan fenomena tidak menggalakkan mereka untuk menjadi seorang jurutera (Henes et. al, 1995). Hasil dapatan ini juga menunjukkan wanita memang dipengaruhi kuat oleh keluarga untuk tidak menceburkan diri dalam lapangan ini samada di peringkat pengajian mahupun di bidang kerjaya kelak.



## BIBLIOGRAFI

- Ahmann, J. S. & Glock, M. D. (1975). *Evaluating Pupil Growth: Principles of Test and Measurement* (5<sup>th</sup> ed.) Boston, MA : Allyn & Bacon.
- Aminah Ahmad. (1999). Participation of Malaysia Women in Employment: A Gender Stratification Analysis. *Challenges in Industrializing Nations*. United Kingdom: Asean Academy Press.
- Anderson, L. W. (1981). *Assessing Affective Characteristics in the School*. Boston, MA: Allyn & Bacon.
- Bakos, J. D. (1992). Women in Civil Engineering: Graduate Perspective. *Journal of Professional Issues in Engineering Education and Practic*. 118 (1). 16-29.
- Best, J. W. Dan Kahn, J. V. (1998). *Research in Education*. (8<sup>th</sup> ed.). Needham Height, M. A: Allyn & Bacon.
- Brush, S. G. (1991). Women in Science and Engineering: *American Scientist*. 79. 404-409.
- Gronlund, N. E., Linn, R. L. (1990). *Measurement and Evaluation in Teaching* (6<sup>th</sup> ed.). New York: McGraw Hill.
- Kahle, B. (1983). National Science Foundation. Berkley: University of California Press.
- Kaiser, J. (1984). Improving Response Rates and Response Quality in Educational Research Survey. Paper Present at *Annual Meeting of the American Education Research Association*, New Orleans.
- Kaminski, M. & Paiz, J. (1984). Japanese Women in Management: Where are they? *Human Resource Management*, 23 (3). 277 – 292.

- Kincaid, J. F. (1968). Engineering Education for an Age of Change. *Personal Administration*. Sept – Oct, 4-7 dan 14-15.
- Manson, E. J. dan Bramble, W. J. (1997). *Research In Education*. Kerper Boulevard. USA: Brown & Benchmark Publication.
- Masriani Binti Mansor (2001). Tinjauan Terhadap Faktor-faktor yang Berkaitan Pemilihan Kerjaya Pelajar-pelajar Sek. Men. Teknik Batu Pahat. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
- Mohd. Majid Konting, (1990). *Kaedah Penyelidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Mohd. Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Sheffie (1999). *Methodologi Pendidikan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noor Suriani Bt. Nazruddin (2000). *Pemilihan Kerjaya di Kalangan Pelajar: Satu Tinjauan*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
- Rancangan Malaysia Ke-7 (1996). Bab 20: Wanita dan Pembangunan. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Salkind, N. J. (1997). *Exploring Research* (3<sup>th</sup> ed.). New Jersey: Prentice Hall.
- Salvia, J. & Yssledyke, J. K. (1985). *Assessment: In Special Remedil Education* (3<sup>th</sup> ed.). Boston, MA: Houghton Mifflin.
- Slavin, R. E. (1992). *Research Methodology in Education* (2<sup>nd</sup> ed.). United States of America: Allyn & Bacon.

Tajul Ariffin, N. (1990). Pendidikan: Suatu Pemikiran Semula. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Useng Awae (1995). Tahap Penggunaan Teknologi Pendidikan di Kalangan Guru-guru Sekolah Menengah Kerajaan Kawasan Pendidikan II: Sudut Pandangan Kenaziran, UKM: Tesis Sarjana.



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH